

PERCUMA



MAIPK

Wadah
MAIPK
Edisi Keempat 2019
Bil Ke-34

مجلس أكاام اسلام
دان عادت ملايو قيراق

سلطان نورن معزالدين شاه ابن المرحوم سلطان ازن محب الدين شاه المغفور له
ميتوراكين

قرسيديغن جونكو لس قريندان قكاواي مسنجد
نكري قيراق دايم الرضوان

تمثف : قوست كو نويسن كا شوارينا @ ميرو تاريخ : ٢٥ اكتوبر ٢٠١٩ / ٢٥ صفر ١٤٤١ هـ (نخبي)

انجورن : مجلس اكاام اسلام دان عادت ملايو قيراق

PERSIDANGAN JAWATANKUASA KARIAH DAN PEGAWAI MASJID NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN

AGIHAN ZAKAT RM 7.55 JUTA BAGI BANTUAN PERSEKOLAHAN, PERUBATAN, NGO ISLAM DAN PERTUBUHAN RUMAH-ANAK YATIM NEGERI PERAK

PENEMPATAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF MAIPK YANG BAHARU

TITAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI SULTAN PERAK DARUL RIDZUAN SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH

SEMPENA

PERSIDANGAN JAWATANKUASA KARIAH DAN PEGAWAI MASJID NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN

TARIKH: 25 SAFAR 1441 / 24 OKTOBER 2019 (KHAMIS)

JAM: 11.30 PAGI TEMPAT: PUSAT KONVENSYEN, CASUARINA@MERU, IPOH

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَ
الْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَالتَّابِعِينَ وَالْعُلَمَاءِ وَالصَّالِحِينَ لَهُمْ
بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ .

Masjid Qubah merupakan masjid pertama yang dibina, dipelopori pembinaannya oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassalam, sebaik Baginda sampai di bumi Madinah. Pembinaan masjid tersebut memantapkan, pentingnya masjid, bukan sahaja daripada aspek kewujudan fizikal, tetapi sebagai sebuah institusi yang wajib didahulukan perwujudannya, dalam usaha mahu membangunkan masyarakat, pentadbiran, pemerintahan dan tamadun.

2. Masjid selanjutnya tumbuh secara pesat, selaras dengan pengembangan ajaran Islam, terutama di bumi Madinah al-Munawarah; 18 buah masjid telah dibina pada zaman Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassalam.¹ Baginda senantiasa memberikan perhatian kepada pembinaan masjid, malah memberikan perhatian yang lebih berat tentang adab di masjid; bermakna aspek pengisian lebih dititikberatkan mengatasi aspek fizikal. Selepas wafatnya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassalam, usaha membina masjid terus berkembang pesat. Individu-individu Islam, didahului oleh para sahabat, berlumba membina masjid, dibiayai dengan kekayaan rezeki anugerah ILAHI, berlandaskan sifat menghayati Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassalam, yang bermaksud:

"Siapa yang membina kerana ALLAH masjid walau hanya sebesar sarang burung, nescaya ALLAH akan membina untuknya mahligai dalam syurga."²

3. Rekod menunjukkan terdapat 609 masjid, 63 surau diri Jumaat, dan 1,945 surau di negeri Perak ketika ini. Setiap masjid

begitu juga surau, memiliki identiti dan mempunyai sejarah tersendiri di sebalik pembinaannya. Terkandung pelbagai cerita di sebalik pembinaan setiap masjid begitu juga surau, sama ada daripada segi asal usul tapak, pembiayaan, niat, cabaran, halangan, usaha, pengorbanan dan tenaga penggerak.

4. Masjid Ubudiah di Kuala Kangsar, yang melibatkan kos pembinaan 200,000 ringgit, dalam tahun 1917, memiliki seni bina yang unik, dengan keistimewaan bentuk kubah dan menara, diiktiraf antara lima masjid tercantik di dunia. Masjid Ubudiah dihasilkan reka bentuknya oleh arkitek Arthur Benison Hubback, arkitek yang bertanggungjawab menghasilkan reka bentuk Stesen-stesen Kereta Api Kuala Lumpur dan Ipoh. Masjid Ubudiah dibina susulan titah Sultan Perak ke 28, Duli Yang Maha Mulia Sultan Idris Murshidul Adzam Shah (Marhum Rahmatullah), untuk memenuhi nazar yang dizahirkan semasa Baginda menerima rawatan kegeringan di Port Dickson. Batu asas pembinaannya diletakkan pada 26 September 1913. Urusan pembinaan Masjid Ubudiah menghadapi pelbagai cabaran. Pembinaannya tertangguh, setelah gajah kepunyaan Baginda, bernama Kulub Chandan, berjuang dengan gajah kepunyaan Raja Chulan bernama Kulub Gangga. Dua ekor gajah yang berjuang, melarat ke tempat simpanan batu marmar, mengakibatkan batu marmar yang diimport dari Itali, pecah dipijak gajah yang berjuang. Akibatnya Masjid Ubudiah hanya dapat disempurnakan pada tahun 1917.

5. Masjid Panglima Kinta di Ipoh, kini berusia 121 tahun, merupakan antara masjid tertua di negeri Perak, dan telah

¹ Ibnu Hisyam, *Sirah Ibnu Hisyam*.

² Daripada Ibn Abbas Radiyallahu anhu, Riwayat Ahmad.

diwartakan sebagai bangunan warisan di negeri Perak. Masjid ini dibina oleh Orang Kaya-Kaya Dato' Panglima Kinta Mohamad Yusoff bin Lassam, dengan harga 15,000 ringgit pada tahun 1898, sebagai tanda kasih amat mendalam, memperingati isteri beliau Saaidah binti Chik yang meninggal dunia pada tahun tersebut.

6. Catatan sejarah menunjukkan bandar Ipoh diterokai oleh masyarakat Melayu, di bawah pimpinan Dato' Panglima Kinta pada abad ke 19, bermula dengan perkampungan Melayu bernama Paloh. Salah sebuah masjid tertua di Ipoh, ialah Masjid Kampung Paloh, dibina pada tahun 1912 atas daya usaha Orang Kaya-Kaya Dato' Seri Adika Raja Wan Muhammad Saleh bin Wan Abu Bakar, Ketua Penghulu dan Pembantu Pemungut Hasil Tanah semasa pentadbiran Frank Swettenham. Ada tiga orang penyumbang utama dalam usaha pembinaan Masjid Paloh, pertama, Toh Puan Saripah binti Duakap yang tidak mempunyai anak telah mewakafkan tanah beliau; kedua, Dato Panglima Bukit Gantang Mahmud bin Mohd. Taib; dan ketiga, hartawan Haji Long Mohd Kassim bin Ngah Banja Jugra, cucunda kepada Panglima Kinta Ngah Sudin.

7. Masjid Ihsaniah Iskandariah di Kampung Kuala Dal, Padang Rengas, memiliki keistimewaan identiti, berbumbung seni bina Melayu yang dikenali 'bumbung limas'. Masjid ini dibina memenuhi nazar Sultan Perak ke 30, Duli Yang Maha Mulia Sultan Iskandar Shah (Marhum Kadasallah) yang menzahirkan hasrat akan membina sebuah masjid, jika anakanda Baginda sembuh daripada gering. Kampung Kuala Dal dipilih apabila Baginda melihat penduduk kampung tersebut bersolat dalam sebuah madrasah yang usang ketika Baginda dalam perjalanan pulang dari Lata Bubu. Baginda telah mengurniakan sumbangan bernilai lapan ribu pound sterling untuk membiayai pembinaan masjid berkenaan, di atas sebidang tanah yang diwakafkan oleh seorang bangsawan, Jeragan Abdul Shukur bin Mohamed Ali, yang pernah bertugas sebagai setiausaha kepada Sultan Perak ke 28. Masjid Ihsaniah Iskandariah, disempurnakan perasmiannya oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Iskandar pada 11 Februari 1938.

8. Hasrat untuk membina sebuah masjid negeri telah dicetuskan oleh Orang Kaya-Kaya Panglima Bukit Gantang Seri Amar Diraja Abdul Wahab pada tahun 1951; beliau yang ketika itu memegang tanggungjawab Menteri Besar Perak, menyedari bilangan umat Islam di bandar Ipoh semakin meningkat, dan beliau memerhatikan saiz masjid-masjid yang sedia ada di Ipoh, tidak cukup untuk memuatkan jemaah yang semakin bertambah. Pembinaan masjid negeri yang kemudiannya dinamakan Masjid Sultan Idris Shah II, bermula pada 16 Mei 1966, dengan perbelanjaan 1.84 juta ringgit dan perasmiannya disempurnakan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Idris Iskandar Shah II, (Marhum Afifullah) pada 15 September 1968.

9. Masjid India Muslim Ipoh dibina oleh Shaikh Adam, seorang hartawan berketurunan India pada tahun 1908 dengan perbelanjaan 500,000 ringgit. Menurut cerita, masjid ini dibina untuk masyarakat India Muslim, berpunca daripada perselisihan faham di antara umat Islam berketurunan Melayu dengan umat Islam berketurunan India, berkemungkinan disebabkan terdapat perbezaan kaedah melakukan ibadah antara mazhab Syafii dengan mazhab Hanafi. Dalam tahun 1930, Masjid Pakistan turut dibina di Ipoh untuk memenuhi keperluan orang Islam Punjab yang dibawa berkhidmat dalam Pasukan Polis di negeri Perak.

10. Pada 24 November 2011, Masjid Muhammadiyah mula dibina di Taman Tasek Jaya, Ipoh, merupakan Masjid Cina Muslim pertama di Perak yang mempamerkan ciri-ciri seni bina Cina. Masjid yang melibatkan kos pembinaan 4.5 juta ringgit ini telah mula digunakan pada bulan Julai 2013 dan Beta telah menyempurnakan perasmiannya pada 18 Julai 2014.

11. Masjid Toh Puan Besar Khatijah di Batu Gajah, dibangunkan di atas tapak asal, tanah yang diwakafkan oleh keluarga nenda Beta, Toh Puan Besar Khatijah untuk pembinaan masjid pada tahun 1930. Pada tahun 2006, masjid ini dititahkan dibina semula oleh Paduka Ayahanda Beta, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Azlan Muhibbuddin Shah (Marhum Al-Maghfur-Lah), sebagai lambang pengabdian penghargaan seorang putera kepada seorang bonda, dan pengabdian kasih sayang Almarhum kepada seorang kakanda dengan menamakan dewan serba guna di Masjid tersebut, Dewan Raja Baharom Shah.

12. Huraian ringkas daripada pembinaan beberapa buah masjid ini dipetik untuk memberikan peringatan bahawa setiap masjid begitu juga surau, memiliki salah silah sejarah tersendiri. Bahan-bahan sejarah tersebut, sebaiknya, diselidiki dan dihindarkan oleh Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak, didokumentasikan secara digital, sebagai bahan ilmiah berharga, untuk dijadikan bahan rujukan, agar generasi terkemudian, mengenali dan memahami asal usul pembinaan rumah-rumah ALLAH ini, dan tidak mengambalnya secara mudah, lantas bersifat kacang lupukan kulit, tidak menghargai, penat jerih, jasa bakti dan pengorbanan generasi terdahulu, yang mengambil tanggungjawab mengusahakan pembinaan masjid-masjid di negeri Perak.

13. Apakah yang dapat dipelajari daripada kisah-kisah di sebalik pembinaan masjid-masjid tersebut?

Pertama:

Penglibatan langsung dan penglibatan aktif Raja Pemerintah dan Orang Besar Negeri dalam pembinaan masjid-masjid utama di negeri Perak.

Kedua:

Terdapat para dermawan yang menyediakan dana dan para pewakaf yang menyediakan tapak untuk tujuan pembinaan masjid.

Ketiga:

Adanya persefahaman, keterbukaan minda, toleransi dan hormat menerima perbezaan dan variasi, membenarkan mazhab dan kaum yang berlainan, membina masjid yang berasingan dengan reka bentuk berlandaskan budaya masing-masing, mengabsahkan bahawa Islam itu bukan milik orang Melayu dan dianuti oleh orang Melayu sahaja.

Keempat:

Berlakunya pertambahan pesat populasi umat Islam berdasarkan keperluan membesarkan masjid sedia ada, di samping keperluan membina masjid baharu.

Kelima:

Masjid dibina untuk berperanan sebagai pusat penyatuan, membolehkan ummah berkumpul, berinteraksi, bermasyarakat dan menjalinkan hubungan ukhuwah dan mengeratkan silaturahim.

Keenam: Penglibatan malah kerjasama dan sokongan orang bukan Islam membantu urusan pembinaan masjid, terutama dalam kerja-kerja reka bentuk, binaan dan membekalkan bahan-bahan binaan.

14. Dalam melakukan analisis sepintas lalu, sejarah pembinaan beberapa buah masjid di negeri Perak, Beta terpengkil untuk turut mendalami kisah di sebalik pembinaan Masjid Negara. Sebulan sebelum Persekutuan Tanah Melayu diisytiharkan sebagai sebuah negara merdeka, Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj (Almarhum), dalam Majlis Eksekutif Persekutuan pada 30 Julai 1957, menyuarakan cadangan hasrat membina Masjid Negara, sebagai simbol kemerdekaan negara. Jawatankuasa Pusat Masjid Negara lalu ditubuhkan di bawah pimpinan Tun Abdul Razak Hussein (Allahyarham). Jawatankuasa ini bertanggungjawab mencari sumbangan untuk membiayai pembinaan masjid yang dicadangkan.

15. Pada bulan Disember tahun 1959, Yang Teramat Mulia Tunku meminta Arkitek Baharuddin Abu Kassim mereka bentuk sebuah masjid untuk kegunaan rakyat. Arkitek Baharuddin telah memilih sebuah bukit, sebagai tapak masjid, berdasarkan niat beliau mahu memuliakan rumah ALLAH, agar ditempatkan di atas muka bumi yang tinggi. Yang Teramat Mulia Tunku menyuarakan pendapat berbeza, tidak mahu masjid dibina di tapak yang menyusahkan pengguna mendapat akses. Yang Teramat Mulia Tunku mahukan masjid dibina di tempat yang mesra pengguna serta mudah dikunjungi pengguna, dan melihat tapak yang berdekatan dengan stesen kereta api sebagai tapak yang amat strategik lagi sesuai, memandangkan, pada ketika itu, kereta api berperanan sebagai saluran komunikasi penting menghubungkan rakyat.

16. Perlu diimbangi kembali dan disedari, sesungguhnya tapak Masjid Negara, bukan sahaja lokasinya berhampiran dengan stesen kereta api, tetapi berhadapan Station Hotel, tempat bersejarah, tempat berhimpunnya Raja-Raja Melayu, berdiri dengan hiba dan linangan air mata, menyaksikan daripada balkoni hotel tersebut, sembah taat setia rakyat Melayu, berhimpun dengan songkok berkabung, menuntut kedaulatan Raja-Raja Melayu dipertahankan, dan dengan itu merafakkan sembah, memohon Raja-Raja Melayu tidak berangkat untuk merestui, di sebaliknya hendaklah memulau upacara pelantikan Govenor pertama Malayan Union, Sir Edward Gent pada 1 April 1946.

17. Reka bentuk Masjid Negara diolah secara bersama oleh Arkitek Howard Ivor Ashley dari United Kingdom bersama Arkitek Baharuddin Kassim. Masjid Negara yang terletak dalam kawasan seluas 13 ekar, dibangunkan atas tapak yang sejak tahun 1922 menempatkan sebuah gereja, Dewan Venning Road Brethren Gospel Hall. Masjid Negara siap dibina pada tahun 1965. Sebagai tanda mahu menghargai pimpinan dan usaha, Yang Teramat Mulia Tunku, Menteri Besar dan Ketua Menteri daripada sebelas negeri di Tanah Melayu, mencadangkan agar masjid yang siap dibina, dinamakan dengan nama Yang Teramat Mulia Tunku. Di sebaliknya, Yang Teramat Mulia Tunku memilih menamakan masjid tersebut, Masjid Negara, sebagai lambang pencapaian kemerdekaan untuk semua rakyat.

18. Walaupun pembinaan Masjid Negara dibiayai sebahagian besarnya daripada dana Kerajaan Persekutuan, malah boleh dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Persekutuan, namun Yang Teramat Mulia Tunku memilih untuk memberi ruang, agar rakyat berpeluang melakukan ibadah melalui sumbangan

kepada Tabung Pembinaan Masjid Negara. Paling menarik, sumbangan dana membina Masjid Negara, turut datang daripada orang-orang bukan Islam, daripada pelbagai kaum – pelbagai agama, termasuk daripada badan-badan bukan Islam.

19. Apakah iktibar yang boleh diambil di sebalik pembinaan Masjid Negara?

Pertama:

Yang Teramat Mulia Tunku memilih masjid sebagai simbol kemerdekaan negara, selaras dengan sejarah dan falsafah pembinaan masjid pertama ia itu Masjid Quba, yang melambangkan ummah telah dimerdekakan daripada minda perhambaan.

Kedua:

Brethren Gospel Hall, gereja yang berusia 37 tahun, secara rela hati bersedia beralih ke tempat lain untuk memberi laluan kepada pembinaan Masjid Negara, tanpa menimbulkan sebarang prasangka dan prejudis atau konflik dan polemik agama, membuktikan hubungan harmoni antara kaum dan sifat saling menghormati - saling memahami antara agama begitu sihat dan konstruktif pada era pascamerdeka.

Ketiga:

Mengutamakan kemudahan jemaah daripada aspek kemegahan dibina di lokasi tinggi di atas bukit.

Keempat:

Arkitek Baharuddin Musa memperkenalkan konsep baharu, menggunakan payung, dan bukan kubah di bumbung masjid, melambangkan agama Islam berada di bawah payung naungan Raja-Raja Melayu.

Kelima:

Sokongan dan partisipasi rakyat jelata yang dimanifestasikan melalui sumbangan kepada Dana Pembinaan Masjid Negara.

Keenam:

Penglibatan dan sokongan orang-orang bukan Islam untuk menjayakan pembinaan masjid daripada segi tenaga profesional, tenaga kerja pembinaan, malah paling menarik sumbangan kewangan tanda sokongan kepada projek pembinaan sebuah rumah ibadah umat Islam.

Ketujuh:

Hikmah, kebijaksanaan dan pendekatan diplomasi yang tidak berkonfrontasi, kepimpinan yang dipamerkan oleh Yang Teramat Mulia Tunku telah memberikan keyakinan dan membolehkan negara membina sebuah masjid bertaraf nasional dengan mendapat sokongan padu oleh semua lapisan rakyat, termasuk daripada kalangan bukan Islam, hinggakan pihak gereja bersedia berkorban dan memberikan laluan, dalam semangat mengutamakan kepentingan negara.

20. Masjid pada zaman Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassalam berperanan sebagai pusat graviti, tempat tumpuan kepada kehidupan insan; serta pusat kepada masyarakat, tempat berlangsungnya perkara-perkara penting merangkumi pelantikan khalifah Islam yang pertama, Sayidina Abu Bakar As-Siddiq, yang dibai'ah di dalam masjid. Pelbagai urusan penting, penghakiman dan menjatuhkan hukuman, perbincangan, penyebaran ilmu dan amal jariah, dilakukan di dalam masjid. Dapat dirumuskan masjid adalah juga

tempat perjumpaan, tempat interaksi sosial, tempat untuk menyatukan dan merapatkan hubungan silaturahim sesama ummah dan sesama manusia, dan tempat menyambut kunjungan dan mempertemukan pelbagai delegasi, baik yang Islam mahupun yang bukan Islam.

21. Para nenek moyang kita dahulu, apabila membuka sesuatu penempatan, tidak melupakan tapak untuk dibina masjid ataupun surau. Para nenek moyang kita dahulu menghargai dan memuliakan masjid sebagai tempat yang mendamaikan, tempat untuk menyatupadukan penduduk di bawah bumbung tauhid, bertiangkan solat, berpandukan perintah ALLAH Subhanahu Wata'ala, seperti yang terkandung dalam ayat 36-37, surah An-Nur, bermaksud:

*"Bertasbihlah kepada ALLAH di masjid-masjid yang telah diperintahkan untuk dimuliakan dan disebut namaNya di dalamnya, pada waktu pagi dan waktu petang,³ orang-orang yang tidak dilalakan oleh perniagaan dan tidak (pula) oleh jual beli dari mengingati ALLAH, dan (dari) membayarkan zakat. Mereka takut kepada suatu hari yang (di hari itu) hati dan penglihatan mereka goncang."*⁴

22. Para pemegang amanah yang diberikan tanggungjawab mengurus masjid di negeri Perak, wajib memahami falsafah kewujudan serta peranan utama masjid, sebagai institusi menyatupadukan ummah, institusi yang wajib dimuliakan – institusi yang wajib diimarahkan – institusi yang wajib dilindungi daripada sebarang perbuatan dan percakapan yang boleh menodai kesuciannya. Ahli-ahli jawatankuasa kariah, hendaklah membantu Beta, pada setiap masa melindungi masjid daripada dicemari oleh aktiviti yang boleh memecahbelahkan ahli-ahli kariah. Sedarilah! musuh utama yang berpotensi besar mencemari masjid dan memecahbelahkan ummah ialah kegiatan politik berpuak secara keterlaluan.

23. Ummah hari ini berpecah kerana budaya yang diamalkan untuk memancing pengaruh dan mendapatkan sokongan politik, sangat bercanggah dengan ajaran dan nilai-nilai murni Islam. Mengaibkan dan memburukkan lawan dijadikan senjata utama dan semakin digalakkan, mengatasi usaha-usaha untuk melakukan yang makruf. Kebenaran sudah dikorbankan kerana emosi sudah mengatasi kerasionalan (*rationality*). Fitnah menjadi lumrah, diolah, termasuk oleh kalangan yang mematuhi Rukun Islam yang lima, bersyahadah, menyempurnakan solat, menunaikan zakat, berpuasa dan mengerjakan haji; penyebaran fitnah dipermudahkan dan dirancarkan dengan adanya media sosial.

24. Sejak sekian lamanya, sejak umat Islam di negara ini mula mengenali politik, masjid senantiasanya menjadi tempat idaman untuk disemaikan pengaruh bagi mendapat laba politik. Disebabkan kelemahan pemantauan dan kawalan, pernah berlaku peristiwa sembahyang dua imam dalam satu masjid, serta ada masjid yang hanya dikunjungi oleh kumpulan politik tertentu tetapi dipulaukan oleh kumpulan politik lawan. Keadaan sedemikian, sebenarnya telah meniadakan masjid memenuhi tujuan kewujudannya.

25. Hasrat menggunakan masjid sebagai tempat mencari laba politik diusahakan melalui pelbagai kaedah. Akhir-akhir ini, individu-individu daripada kumpulan politik tertentu telah menggunakan beberapa pertubuhan bukan politik dan bukan kerajaan (NGO) untuk menembusi masjid, dan memperkenalkan program tertentu untuk dijalankan dalam masjid dan dalam kawasan masjid. Program yang membawa jenama tertentu, dijadikan topeng untuk melindungi niat sebenar yang tersirat. Amatlah janggal, jika para penceramah yang telah diberikan tauliah, diberikan penghormatan untuk berceramah di dalam rumah ALLAH, menyalahgunakan amanah yang diberikan dengan menyelitikan di dalam ceramah mereka unsur-unsur yang mencerca, menyindir dan merendahkan petugas-petugas Jabatan Agama Islam Negeri dan Polis Diraja Malaysia.

26. Kalangan yang telah diberikan amanah sebagai jawatankuasa kariah, hendaklah bersifat tegas – bersifat bijaksana, tidak membenarkan diri mereka dimanipulasi atau diperalatkan oleh mana-mana kumpulan politik. Jika ada yang memiliki agenda politik dan cita-cita politik, baik dalam kalangan ahli jawatankuasa yang dilantik, begitu juga penceramah yang telah diberikan tauliah, mereka hendaklah secara jujur lagi ikhlas, secara mulia lagi terhormat berundur diri, daripada bersifat gunting dalam lipatan, melakukan aktiviti-aktiviti yang menodai kesucian politik. Jawatankuasa kariah, hendaklah pada setiap masa bersifat berkecuali daripada politik kepartian. Ceramah-ceramah yang berlangsung di dalam masjid dan surau hendaklah juga tidak memihak atau mencemuh mana-mana parti politik agar tidak menimbulkan keresahan dalam kalangan ahli kariah.

27. Ya Rahman! Limpahkanlah sabar kepada kami, dan teguhkanlah pendirian kami ketika menghadapi cabaran dan dugaan; berikanlah kami kekuatan dan kemenangan ketika menghadapi musuh. Kami berlindung kepada Mu dari rasa susah dan duka, dan dari terjerumus dengan godaan rasuah dan sogokkan. Ya Allah jadikanlah gerak kerja kami sebagai amalan yang Engkau redai, agar dengannya menjadikan negeri kami, negara yang baik serta mendapat rahmat, keredaan, juga keampunan oleh Mu, Tuhan sekalian alam.

وَبِاللَّهِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ
وَالسَّلَامِ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

³ Al-Quran, Surat An Nuur, (24:36)

⁴ Ibid, (24:37)

PENEMPATAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF MAIPK YANG BAHARU

Nama : Tuan Shahrul Azam bin Shaari
 Tarikh Lahir : 18 Ogos 1973
 Skim : Pegawai Tadbir dan Diplomatik
 (M54 Terbuka)

Profil Ringkas

YBr. Tuan Shahrul Azam bin Shaari mempunyai pengalaman kerja selama 15 tahun dalam pentadbiran kerajaan negeri dan persekutuan. Antara jawatan yang pernah disandang oleh beliau sebelum ini ialah Ketua Penolong Pegawai Daerah Kg. Gajah dan Batu Gajah. Beliau juga pernah menjawat jawatan sebagai Setiausaha Bahagian Dewan Undangan Negeri (DUN) dan Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK), Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak pada tahun 2016 hingga 2018. Jawatan terakhir beliau sebelum dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif MAIPK ialah Ketua Penolong Setiausaha, Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN), Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli. Beliau mempunyai kelayakan akademik Ijazah Sarjana Muda Sastera, Pentadbiran Perniagaan Antarabangsa, Universiti Northumbria, Newcastle dan kini beliau sedang melanjutkan pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Sains, Pentadbiran Tanah dan Pembangunan, Universiti Teknologi Malaysia yang dijangka akan tamat pada tahun 2020.

IPOH, 17 Oktober 2019 - Sukacita Majlis Agama Islam Perak dan 'Adat Melayu Perak (MAIPK) ingin memaklumkan pelantikan YBr. Tuan Shahrul Azam bin Shaari sebagai Ketua Pegawai Eksekutif MAIPK yang baharu telah diperkenankan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Sultan Perak Darul Ridzuan Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, berkuatkuasa 16 Oktober 2019. Tahniah dan selamat datang kepada Ketua Pegawai Eksekutif MAIPK yang baharu yang sebelum ini berkhidmat sebagai Ketua Penolong Setiausaha, Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN), Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli. MAIPK juga merakamkan ucapan penghargaan kepada Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan) MAIPK, Tuan Haji Mohd Haidi bin Sulaiman, di atas sumbangan yang telah dicurahkan sepanjang menanggung tugas Setiausaha MAJLIS dan Ketua Pegawai Eksekutif MAIPK daripada 1 Ogos 2018 hingga 15 Oktober 2019. Semoga dengan pelantikan YBr. Tuan Shahrul Azam bin Shaari ini akan meneruskan visi dan misi MAIPK untuk memperkasakan lagi pengurusan MAIPK di Negeri Perak.



Surat pelantikan sebagai Ketua Pegawai Eksekutif MAIPK baharu yang diserahkan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, YBhg. Dato' Zainal Azman bin Abu Seman dalam satu majlis selepas Persidangan Majlis Kali Ke-210 di Kompleks Islam Darul Ridzuan pada 18 Oktober yang lalu.



Majlis Penyampaian Nota Serah Tugas telah berlangsung bagi portfolio Pegawai Yang Menanggung Ketua Pegawai Eksekutif MAIPK, Tuan Haji Mohd Haidi bin Sulaiman kepada Ketua Pegawai Eksekutif MAIPK, YBr. Tuan Shahrul Azam bin Shaari.



YBr. Tuan Shahrul Azam bin Shaari mengadakan perbincangan ringkas bersama dengan pihak pengurusan MAIPK.

PERSIDANGAN JAWATANKUASA KARIAH DAN PEGAWAI MASJID NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN



IPOH, 24 Oktober 2019 - Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) telah mengadakan satu Majlis Persidangan Jawatankuasa Kariah dan Pegawai Masjid Negeri Perak di Pusat Konvensyen Casuarina@Meru, Bandar Meru Raya. Majlis ini telah disempurnakan oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah. Majlis ini turut dihadiri oleh Pengerusi Jawatankuasa Agama dan Pendidikan Islam, Industri, Luar Bandar dan Pembangunan Usahawan Negeri Perak, YB. Tuan Haji Asmuni bin Awi, Ahli-Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri Perak, Anggota-Anggota MAIPk, ketua-ketua jabatan sektor awam dan swasta serta pengerusi dan setiausaha Jawatankuasa Kariah Masjid seluruh negeri Perak.

Persidangan ini bermula pada jam 8.45 pagi dengan pembentangan tiga kertas kerja daripada Penasihat Undang-Undang Negeri Perak, YB Dato' Rohana binti Abd Malek, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pengurusan Masjid, Tuan Haji Saiful Azizi bin Abdul Manap, dan Presiden Majlis Perundingan Pertubuhan Islam Malaysia, Tuan Haji Mohd Azmi bin Abd Hamid.

Seterusnya, acara kemuncak adalah para peserta persidangan mendengar titah ucapan daripada Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak yang banyak menyentuh tentang sejarah pembinaan masjid-masjid di negeri Perak, tanggungjawab jawatankuasa kariah di dalam kariah serta menekankan pengurusan tadbir urus jawatankuasa kariah perlu bersikap berkecuali daripada politik kepartian dan lain-lain lagi.

PERHIMPUNAN BULANAN MAIPK 2019

IPOH, 12 November 2019 – Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) telah mengadakan Perhimpunan Bulanan MAIPk 2019 bertempat di Tingkat 2, Dewan Al-Ghazali, KIDR. Majlis dimulakan dengan nyanyian lagu Negaraku, lagu Kebesaran Negeri Perak, bacaan doa dan bacaan ikrar pekhidmat. Acara dimulakan dengan ucapan aluan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan) MAIPk, Puan Wan Maizura binti Haji Wan Zahari. Acara diteruskan dengan persembahan montaj aktiviti MAIPk sepanjang bulan Mei sehingga November 2019, pekhidmat MAIPk yang melangsungkan perkahwinan pada tahun 2019 dan gambar anak pekhidmat MAIPk yang lahir pada tahun 2019. Majlis kemudian diteruskan dengan amanat Ketua Pegawai Eksekutif (KPE) MAIPk yang baharu iaitu Tuan Shahrul Azam bin Shaari kepada pekhidmat MAIPk. Amanat yang telah disampaikan oleh KPE MAIPk mengandungi tiga intipati utama iaitu cabaran, tanggungjawab dan pesanan. Semoga, semua pesanan dan amanat yang telah disampaikan oleh KPE MAIPk dapat diambil sebagai panduan dan pedoman khususnya buat seluruh warga kerja MAIPk.



MAJLIS PENYAMPAIAN BANTUAN PERSEKOLAHAN, PERUBATAN DAN SUMBANGAN KEPADA NGO ISLAM SERTA PERTUBUHAN RUMAH ANAK-ANAK YATIM NEGERI PERAK

IPOH, 26 Disember 2019 – Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) telah mengadakan satu Majlis Penyampaian Bantuan Persekolahan, Perubatan Dan Sumbangan Kepada NGO Islam Serta Pertubuhan Rumah Anak-Anak Yatim Negeri Perak Bagi Tahun 2019 di Dewan Al-Ghazali, Kompleks Agama Islam Darul Ridzuan. Tujuan majlis ini dilaksanakan adalah bagi menyalurkan bantuan awal kepada para asnaf fakir, miskin dan muallaf dalam membuat persiapan persekolahan bagi anak-anak asnaf bagi tahun 2020. Selain itu juga, dana khas bantuan perubatan kepada asnaf-asnaf fakir dan miskin yang menghidap penyakit jantung dan barah di pusat rawatan Majlis Kanser Nasional dan Yayasan Institut Jantung Negara telah disampaikan bagi memudahkan proses rawatan serta bayaran terus kepada pusat rawatan tersebut. Bagi

sumbangan Dana Aktiviti Dakwah, sebanyak 26 NGO Islam Negeri Perak telah menerima sumbangan. Dana ini diberikan bagi merancang dan mengkoordinasi aktiviti persatuan supaya lebih efisien dan teratur.

Majlis penyerahan sumbangan ini melibatkan jumlah keseluruhan peruntukkan sebanyak RM7,500,500.00 dan telah disampaikan oleh Yang Dipertua Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak, YABhg. Tan Sri Dato' Seri Dr. Wan Mohd Zahid bin Mohd Noordin serta Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk, Tuan Shahrul Azam bin Shaari dan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan) Puan Wan Maizura binti Wan Zahari yang turut terlibat untuk menjayakan Majlis ini. Majlis ini turut dihadiri pegawai-pegawai dan pekhidmat MAIPk.



PROGRAM KEMBARA PRIHATIN UMMAH MAIPk DAN KOPERASI ANGKASA

TAIPING, 29 Oktober 2019 – Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) dan Angkasa yang terdiri daripada beberapa buah koperasi telah melaksanakan Program Kembara Ummah. Program berkonsepkan konvoi & ziarah seperti ini memberi peluang setiap peserta melihat sendiri secara langsung peranan yang dimainkan oleh MAIPk bagi membantu dan memperkasakan masyarakat melalui dana zakat. Para Peserta dibawa untuk menziarah penerima bantuan yang menerima skim bantuan pemerksaan asnaf iaitu projek penanaman cili fertigasi, bantuan bina rumah dan projek kabin gunting rambut dan bantuan dialisis daripada MAIPk disekitar daerah Taiping. Selepas selesai lawatan selanjutnya, bertempat di Hotel Perdana, Taiping telah diadakan majlis penutup dan majlis penyerahan zakat perniagaan Koperasi Azam Bhd. yang telah menunaikan Zakat Perniagaan berjumlah RM7,074.47 bagi tahun 2018 yang disampaikan oleh Tuan Haji Rosli bin Haji Basri, Pengerusi Jawatankuasa Perhubungan Angkasa Negeri Perak dan Pembangunan Syariah manakala pihak MAIPk diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk, YBs. Tuan Shahrul Azam bin Shaari telah menerima zakat tersebut. Program Kembara Ummah ini merupakan platform yang terbaik untuk setiap agensi atau individu korporat menzahirkan rasa keprihatinan terhadap asnaf yang kurang bernasib baik dalam kehidupan mereka. Semoga program seperti ini, mampu menarik lebih ramai agensi dan individu korporat di luar sana untuk terus konsisten menunaikan fardhu zakat di MAIPk bagi membela nasib para asnaf di negeri Perak khususnya.



PROGRAM JEJAK ASNAF

Pihak MAIPK terus memperkasakan keprihatinan MAIPK terhadap golongan-golongan yang tidak bernasib baik dengan mengadakan Program Jejak Asnaf. Program Jejak Asnaf ini memberi makna besar kepada MAIPK dalam memastikan kumpulan asnaf yang berhak menerima zakat dibantu sebaiknya. Pihak MAIPK dapat bertemu dan melihat dengan lebih jelas keadaan sebenar kehidupan asnaf yang tidak bernasib baik ini walaupun lokasinya di dalam kawasan pedalaman kampung. Hasil kunjungan yang dijalankan, pelbagai jenis bantuan akan dipertimbangkan oleh pihak MAIPK seperti bantuan perubatan, bantuan kewangan bulanan dan bantuan bina rumah sebagai langkah susulan daripada program jejak asnaf ini agar nasib mereka akan terbela dan mendapat perhatian yang sewajarnya. Para asnaf yang dikunjungi menerima sumbangan berupa wang tunai dan kotak makanan bagi menampung keperluan semasa setiap keluarga.

JEJAK ASNAF DAERAH GERIK 10 OKTOBER 2019

Program Jejak Asnaf Daerah Gerik telah menziarahi dan menyantuni lima buah rumah asnaf. Program ini diketuai oleh Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan) Puan Hajjah Wan Maizura binti Haji Wan Zahari diiringi oleh Pegawai Baitulmal Daerah Gerik, Encik Amirudin bin Osman serta para pegawai ibu pejabat MAIPK dan daerah.



JEJAK ASNAF DAERAH BAGAN SERAI 10 OKTOBER 2019

Program Jejak Asnaf Daerah Bagan Serai yang diketuai oleh AF. Ustaz Bakri bin Lee, Pengurus Besar Bahagian Agihan Zakat dan diiringi oleh Pegawai Baitulmal Daerah Bagan Serai iaitu Tuan Haji S. Daud bin Shehmy serta beberapa kakitangan dari ibu pejabat dan pejabat MAIPK Bagan Serai telah berjaya menziarahi dan menyantuni lima buah rumah asnaf yang telah dikenal pasti di sekitar Mukim Bagan Serai dan Beriah.



JEJAK ASNAF DAERAH BAGAN DATUK 16 OKTOBER 2019

Pihak MAIPK telah mengadakan Program Jejak Asnaf Bagan Datuk di Mukim Rungkup, Hutan Melintang dan Teluk Bharu. Pada program ini sebanyak lima buah rumah telah diziarahi yang diketuai oleh Tuan Haji Muzammil bin Arbain, Pengurus Bahagian Agihan Zakat MAIPK dan Pegawai Baitulmal Daerah Bagan Datuk, En. Mohd Shahmer Mahzuz bin Mohd Zin bersama para pegawai MAIPK Bagan Datuk serta Team Skuad Prihatin Asnaf (SPA).



JEJAK ASNAF DAERAH SELAMA 20 NOVEMBER 2019

Program Jejak Asnaf kali ini diadakan sekitar daerah Selama di Kampung Sungai Jambu, Kampung Bukit Bertam, Kampung Sungai Berdarah Hulu, Kampung Teluk Mas dan Kampung Bukit Sungai Nor Rantau Panjang. Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk, Tuan Shahrul Azam bin Shaari telah mengetuai program ini bersama Timbalan Pegawai Ketua Eksekutif (Pembangunan) MAIPk, Puan Hajah Wan Maizura binti Haji Wan Zahari dan para pegawai di bahagian agihan zakat serta Pegawai Baitulmal Daerah Selama, Encik Muhammad Naquib bin Mohamad Tarmizi. Pada program ini juga, sebanyak lima buah rumah telah disantuni dan diziarahi.



PROGRAM "JOM CUCI MASJID"

Program "Jom Cuci Masjid" merupakan anjuran Jabatan Operasi Teknikal Media Prima Berhad. Pihak MAIPk turut bersama dengan pemberian bantuan kepada asnaf-asnaf di sekitar kawasan program tersebut. Pemberian bantuan MAIPk diketuai oleh Pengurus Besar Bahagian Khidmat Pengurusan MAIPk, Encik Rohizan bin Omar. Ziarah Asnaf ini turut disertai oleh warga Media Prima, Sifu Bikerz, AF Ustaz Mohd Hanafiah Abd Malek dan juga Ayahanda Abdul Rani Kulup.

SIRI KE-35 DI MASJID AD-DINNIYAH, KG. ENGGOR, KUALA KANGSAR, 5 OKTOBER 2019

SIRI KE-37 DI MASJID AL-IHSANIAH, KAMPUNG JALONG SUNGAI SIPUT (U), 21 DISEMBER 2019



MAJLIS PENYAMPAIAN SIJIL DAN PENYERAHAN PERALATAN KURSUS PEMBUATAN AISKRIM PROGRAM PEMERKASAAN EKONOMI ASNAF MAIPK (PROPER A)

GOPENG, 17 Oktober 2019 – Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak (MAIPK) telah mengadakan satu Majlis Penyampaian Sijil dan Penyerahan Peralatan Kursus Pembuatan Aiskrim Program Pemerksaan Ekonomi Asnaf MAIPK (Proper A) 2019 di RTC, Gopeng. MAIPK telah bekerjasama dengan sebuah Syarikat Zam Zam Ice Cream Sdn Bhd. yang dilantik sebagai syarikat penyedia khidmat latihan bagi memberi bimbingan dan latihan kepada usahawan asnaf yang terpilih melalui pendedahan ilmu pengurusan perniagaan, terutama dalam pembuatan aiskrim. Majlis ini telah dirasmikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif MAIPK, YBrs. Tuan Shahrul Azam bin Shaari dan dihadiri Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan), Tuan Haji Mohd Haidi bin Sulaiman, Pengurus Besar Bahagian Agihan Zakat, Encik Bakri bin Lee serta pegawai-pegawai dan perkhidmat MAIPK. Tujuan bantuan ini untuk meningkatkan taraf hidup dan menambah ilmu keusahawanan kepada para usahawan asnaf seterusnya menjana pendapatan keluarga. Sebelum majlis ini dimulakan, pihak MAIPK telah dijemput bagi merasmikan kilang Syarikat Zam Zam Ice Cream Sdn. Bhd. bersama dengan agensi luar.



PROGRAM “TOUR ASNAF” MAIPK DAERAH BAGAN DATUK

BAGAN DATUK, 10 Disember 2019 – Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak (MAIPK) daerah Bagan Datuk telah mengadakan program “Tour Asnaf” di sekitar daerah Bagan Datuk. Program ini diadakan bagi melihat sendiri kehidupan asnaf selepas menerima bantuan daripada pihak MAIPK dan keprihatinan pihak MAIPK dalam menyantuni golongan asnaf. Program ini diketuai oleh YDH Toh Seri Lela Paduka, Dr. Khalid bin Ismail, Orang Besar Jajahan Daerah Bagan Datuk, Ahli Jawatankuasa Baitulmal Daerah Bagan Datuk dan pegawai-pegawai serta kakitangan MAIPK. Pada program MAIPK telah menziarahi dua orang penerima Bantuan Kewangan Bulanan, dua penerima Bantuan Bina Rumah, dan empat orang penerima Bantuan Dialisis di Pusat Rawatan Dialisis MB Star. Program ini diakhiri dengan perasmian Kabin Gunting Rambut Asnaf di Masjid Jamek Hutan Melintang.



MAIPk BANTU MANGSA BANJIR DI BAGAN SERAI

BAGAN SERAI, 1 November 2019 – Satu majlis penyerahan bantuan kepada mangsa banjir telah diadakan di pusat pemindahan sementara di Sekolah Kebangsaan Changkat Lobak. Bantuan pihak MAIPk ini adalah untuk mangsa banjir di kawasan yang terlibat iaitu di Changkat Lobak dan Parit Haji Aman. Pada majlis penyerahan bantuan tersebut dihadiri oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, YBhg.

Dato' Zainal Azman bin Abu Seman, Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk, YBrs. Tuan Shahrul Azam bin Shaari dan pegawai-pegawai MAIPk. Pihak MAIPk sentiasa prihatin akan nasib mangsa-mangsa banjir yang terlibat. Semoga keluarga-keluarga yang terlibat dengan bencana banjir tabah dan sabar dengan musibah yang menimpa, dan dapat menjalani kehidupan seperti sedia-kala.



SUMBANGAN MANGSA TANAH RUNTUH DI SELAMA

SELAMA, 1 November 2019 - Bertempat di Kampung Teras, Ijok Batu Kurau, Pegawai Baitulmal MAIPk Daerah Selama, Encik Muhammad Naquib Mohamd Tarmizi bersama-sama pegawai agihan telah menziarahi tiga buah keluarga mangsa kejadian tanah runtuh di Kampung Teras yang telah mengorbankan

seorang nyawa. Keluarga mangsa telah disantuni dan sumbangan telah disampaikan pada sesi ziarah ini. Pihak MAIPk telah meneliti bantuan yang bersesuaian untuk kelulusan bagi meringankan beban keluarga mangsa.



ASNAF DIBANTU MELALUI BANTUAN BINA RUMAH



PENYERAHAN KUNCI RUMAH PROJEK BAITI JANNATI TNB DENGAN KERJASAMA MAIPK KEPADA PUAN ZURAIHAH PADA 23 OKTOBER 2019



PENYERAHAN KUNCI RUMAH BANTUAN BAITULMAL KEPADA ENCIK HASBULMUNIR PADA 23 OKTOBER 2019



PENYERAHAN KUNCI RUMAH BANTUAN BAITULMAL KEPADA ENCIK ISMAIL HASHIM PADA 24 OKTOBER 2019



PENYERAHAN KUNCI RUMAH PROJEK BAITI JANNATI TNB DENGAN KERJASAMA MAIPK KEPADA ENCIK IBRAHIM SAMAT PADA 4 NOVEMBER 2019



PENYERAHAN KUNCI RUMAH PROJEK BAITI JANNATI TNB DENGAN KERJASAMA MAIPK KEPADA ENCIK ASRI SAID PADA 4 NOVEMBER 2019



PENYERAHAN KUNCI RUMAH PROJEK BAITI JANNATI TNB DENGAN KERJASAMA MAIPK KEPADA ENCIK SIRAN PADA 19 NOVEMBER 19



PENYERAHAN KUNCI RUMAH BANTUAN BAITULMAL KEPADA ENCIK KAMAROL AZMI PADA 19 DISEMBER 2019



PENYERAHAN KUNCI RUMAH BANTUAN BAITULMAL KEPADA ENCIK SAMSOL BAHRAIN MOHD SAAT PADA 6 DISEMBER 2019



PENYERAHAN KUNCI RUMAH BANTUAN BAITULMAL OLEH YDH TOH MUDA ORANG KAYA KAYA SERI ADIKA RAJA SHAHBANDAR MUDA, DATO' AR. LA MEOR ROSLAN BIN DATO' SERI HAJI MEOR AHMAD RASHIDI, ORANG BESAR JAJAHAN HULU PERAK DI LENGGONG PADA 24 DISEMBER 2019



PENYERAHAN KUNCI RUMAH BANTUAN BAITULMAL KEPADA MARZUKI NIZAMUDDIN DI KG. JAYA SETIA, CHEMOR PADA 31 DISEMBER 2019



PENYERAHAN KUNCI RUMAH BANTUAN BAITULMAL KEPADA PUAN NOR ZUHAINI BT ZAINAL ABIDIN DI IPOH PADA 31 DISEMBER 2019



PENYERAHAN KUNCI RUMAH BANTUAN BAITULMAL KEPADA ENCIK MOHD HAMDAN IBRAHIM DI KG. SRI KINTA, IPOH PADA 31 DISEMBER 2019



PENYERAHAN KUNCI RUMAH BANTUAN BAITULMAL KEPADA PUAN NOOR EDHAH IDRIS DI PASER PUTIH PADA 31 DISEMBER 2019



PENYERAHAN KUNCI RUMAH BANTUAN BAITULMAL KEPADA PUAN NORIAH SHAHABUDDIN DI KG. DATO AHMAD SAID, IPOH PADA 31 DISEMBER 2019

SEBAHAGIAN AKTIVITI SKUAD PRIHATIN ASNAF MAIPK



SUMBANGAN BANTUAN KEWANGAN KEPADA ENCIK ZAHARUDIN MAT YAMIN MANGSA KEBAKARAN DI KG. CHEPOR DALAM PADA 28 SEPTEMBER 2019



SUMBANGAN BANTUAN KEPADA ENCIK MOHAMAD FIRDAUS AHMAD TARMIZI YANG MENGHIDAP SAKIT BUAH PINGGANG DAN HILANG PENGLIHATAN DI TAMAN KLEBANG JAYA PADA 1 OKTOBER 2019



SUMBANGAN BANTUAN KEWANGAN KEPADA PUAN HABIBAH YAHYA YANG TERPUTUS BELANJA DI TAMAN TAWAS MEWAH PADA 2 OKTOBER 2019



SUMBANGAN BANTUAN KEWANGAN KEPADA ENCIK KAMARUZAMAN MOHD TERMIZI YANG HILANG TEMPURUNG KEPALA AKIBAT JANGKITAN KUMAN DI TAMAN CHEMOR MESRA PADA 8 OKTOBER 2019



SUMBANGAN BANTUAN KEWANGAN KEPADA ENCIK MOHAMAD SHARIF YANG MENGHADAPI KANSER PERUT DI TAMAN MERU 2C, PADA 8 OKTOBER 2019



SUMBANGAN BANTUAN KEWANGAN KEPADA PUAN SAMSIAH MOHD HASHIM, 69 TAHUN MENGHIDAP SAKIT UZUR DAN TERPUTUS BELANJA DI TAMAN TEMARA PADA 22 OKTOBER 2019



SUMBANGAN BANTUAN KERUSI RODA KEPADA WARIS ENCIK MAT NAZARI BIN AMAN YANG MENGHIDAP SAKIT ANGIN AHMAR PADA 30 OKTOBER 2019



SUMBANGAN BANTUAN KEWANGAN KEPADA MANGSA KEBAKARAN EMPAT BUAH RUMAH DI KAMPUNG PARIT HAJI KALANG, BAGAN SERAI PADA 5 DISEMBER 2019.




SUMBANGAN BANTUAN KEWANGAN KEPADA ENCIK MOHD TAMIZI SHAMSUDIN MENZIARAHI ASNAF SAKIT TERLANTAR AKIBAT TEKANAN DARAH TINGGI DI MEDAN KLEBANG RESTU PADA 31 OKTOBER 2019




SUMBANGAN BANTUAN KEWANGAN KEPADA PUAN NORHAYATI ZAINAL ABIDIN ASNAF YANG MENGHIDAP MASALAH SARAF DI TAMAN BERTUAH PADA 7 NOVEMBER 2019



SUMBANGAN BANTUAN KEWANGAN KEPADA ENCIK ASRAF BIN JAFRI YANG ANAKNYA SEDANG SAKIT TERLANTAR AKIBAT PENYAKIT H.1. E SILIBIRAPASI TAHAP 3 DI KG SRI UTARA, PENCKALAN HULU PADA 27 NOVEMBER 2019



SUMBANGAN BANTUAN KEWANGAN KEPADA ENCIK MOHD ISA BIN HARUN YANG SAKIT TERLANTAR DI KAMPUNG TELUK MAS, SELAMA, PADA 11 DISEMBER 2019



SUMBANGAN BANTUAN KEWANGAN KEPADA SUAMI PUAN ZARINA BINTI BAHADUN DI KAMPUNG TELUK MAS, SELAMA, PADA 11 DISEMBER 2019



SUMBANGAN BANTUAN KEWANGAN KEPADA Keluarga ENCIK MOHAMED JOHARI MOHAMED ABDULLAH YANG TERPUTUS BELANJA TUNGGAKAN SEWA RUMAH DAN BANTUAN PERSEKOLAHAN DI TAMAN RAJA MESRA PADA 24 DISEMBER 2019



SENYERAHAN BANTUAN KAKI PALSU DISEMPURNAKAN OLEH YDh TOH MUDA ORANG KAYA KAYA SERI ADIKA RAJA SHAHBANDAR MUDA, DATO' AR. LA MEOR ROSLAN BIN DATO' SERI HAJI MEOR AHMAD RASHIDI, ORANG BESAR JAJAHAN HULU PERAK DI LENGGONG PADA 24 DISEMBER 2019



SUMBANGAN BANTUAN KEWANGAN KEPADA PUAN SHARIFAH HALIMATUN SYED HASSAN MANGSA KEBAKARAN DI PERSIARAN TAMAN CEMPAKA SARI 32 PADA 9 DISEMBER 2019



SUMBANGAN BANTUAN KEWANGAN KEPADA PUAN SHARIFAH HALIMATUN SYED HASSAN MANGSA KEBAKARAN DI PERSIARAN TAMAN CEMPAKA SARI 32 PADA 9 DISEMBER 2019



SUMBANGAN BANTUAN KEWANGAN KEPADA PUAN SHARIFAH HALIMATUN SYED HASSAN MANGSA KEBAKARAN DI PERSIARAN TAMAN CEMPAKA SARI 32 PADA 9 DISEMBER 2019



SUMBANGAN BANTUAN KEWANGAN KEPADA PUAN SHARIFAH HALIMATUN SYED HASSAN MANGSA KEBAKARAN DI PERSIARAN TAMAN CEMPAKA SARI 32 PADA 9 DISEMBER 2019



SUMBANGAN BANTUAN KEWANGAN KEPADA PUAN SHARIFAH HALIMATUN SYED HASSAN MANGSA KEBAKARAN DI PERSIARAN TAMAN CEMPAKA SARI 32 PADA 9 DISEMBER 2019

BERITA SANA SINI




BICARA ZAKAT "KEBERKATAN HARTA" DI SURAU BATALION KE - 4 REJIMEN SEMPADAN GERIK PADA 02 OKTOBER 2019



PERSIDANGAN MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK KALI KE-210 PADA 18 OKTOBER 2019



KUNJUNGAN MESRA MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN (MAIWP) PADA 23 - 24 OKTOBER 2019



PENYERAHAN ZAKAT PERNIAGAAN OLEH MBSB BANK BERHAD BERJUMLAH RM44,012.16 PADA 14 NOVEMBER 2019



PENYERAHAN ZAKAT PERNIAGAAN OLEH SYARIKAT PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD (PNMB) BERJUMLAH RM36,300.00 PADA 13 DISEMBER 2019



PENYERAHAN ZAKAT PERNIAGAAN OLEH SYARIKAT MIDF PROPERTY BERHAD BERJUMLAH RM120,000.00 PADA 16 DISEMBER 2019



PERSIDANGAN MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK KALI KE-211 PADA 16 DISEMBER 2019



TAKLIMAT PROGRAM TADABBUR AL-QURAN, WAQAF PERAK AR-RIDZUAN PADA 23 DISEMBER 2019

Tunaikan

ZAKAT ANDA KEPADA

Majlis Agama Islam Dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk)

SALURAN BAYARAN KAUNTER ZAKAT

19 Kaunter Cawangan Seluruh Negeri Perak

AMIL FITRAH

AMIL HARTA

AMIL PROFESIONAL

PERUNDING ZAKAT

FIRMA AKAUN/AUDIT BERTAULIAH

KAUNTER POS MALAYSIA

KAEDAH PEMBAYARAN ONLINE



Billar Code : 9027
Ref-1 : Nama Pembayar
Ref-2 : Nombor Telefon

Jompay (Bersama Biller Code)



FPX-Melalui Portal MAIPk
www.maiamp.gov.my



Dana Wakaf Kepercayaan Anda



KAEDAH BAYARAN

- 01 Pembayaran di kaunter MAIPk seluruh Negeri Perak
- 02 Pembayaran melalui FPX Layari wakaferak.gov.my
- 03 Potongan Gaji Online Layari wakaferak.gov.my
- 04 Internet Banking Layari Maybank2U.com
- 05 Pembayaran melalui EFT Waqaf Perak Ar Ridzuan, No Akaun **Maybank: 558024315712**
- 06 **Billar Code: 29892** | **Ref-1** : Nombor yang dihasilkan dari janaan pendaftaran di wakaferak.gov.my **JomPay** online di Perbankan Internet dan Telefon Mudah Alih dengan akaun semasa, simpanan atau kad kredit



7 Wasiat Raja-Raja Melayu

Wasiat Raja-Raja Melayu merujuk kepada 7 wasiat yang disampaikan semasa Raja-Raja Melayu menurun tandatangan persetujuan pembentukan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu pada 5 Ogos 1957 itu ialah:

- 1) Kami namakan dan kami panggil akan dia, bumi yang kamu pijak dan langit yang kamu junjung (PERSEKUTUAN TANAH MELAYU) sekarang dikenali dengan nama MALAYSIA.
- 2) Kami isytiharkan dan kami simpan untuk kamu dan kami benarkan kamu isytihar dan simpan untuk anak cucu kamu, selain gunung-ganang, tasik dan hutan simpan, TANAH SIMPANAN MELAYU sehingga nisbah 50 peratus, selebihnya kamu rebutlah bersama-sama kaum lain.
- 3) Bagi menjaga kamu dan bagi melindungi anak cucu kami serta harta hak milik kamu, kami tubuhkan REJIMEN ASKAR MELAYU selain untuk membanteras kekacauan dalam negara dan ancaman dari luar negara.
- 4) Kami kekalkan dan kami jamin Kerajaan dan Kedaulatan RAJA-RAJA MELAYU memerintah negara ini.
- 5) Kami isytiharkan ISLAM adalah Agama Persekutuan.
- 6) Kami tetapkan bahasa kebangsaan ialah BAHASA MELAYU.
- 7) Kami amanahkan dan kami pertanggungjawabkan kepada Raja-Raja Melayu untuk melindungi KEDUDUKAN ISTIMEWA ORANG MELAYU dan KEPENTINGAN SAH KAUM-KAUM LAIN. (Kemudian ditambah kedudukan istimewa anak negeri Sabah dan Sarawak).

Tingkat 1, Kompleks Islam Darul Ridzuan, Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab, 30000 Ipoh, Perak



05-208 4000



korporat@maiamp.gov.my



www.maiamp.gov.my



Zakat Perak-MAIPk



Waqaf Perak Ar-Ridzuan